

NO. SOALAN : 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

SOALAN :

YB. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tindakan yang akan dilakukan bagi memajukan kawasan Sungai Batu memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan yang sangat bersejarah dan tamadun Kedah Tua dicatatkan, juga merupakan tamadun tertua di Asia Tenggara dan adalah sezaman dengan tamadun Rom dan Yunani.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara [*Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA)] sedang merancang pembangunan fizikal di Sungai Batu dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Pembangunan yang dicadangkan termasuk pembinaan prasarana bagi kemudahan pelawat seperti Galeri Warisan Arkeologi Lembah Bujang yang akan mempamerkan jumpaan di Sungai Batu dan Lembah Bujang secara amnya dan penyediaan infrastruktur yang lengkap untuk pengurusan pentadbiran. Kementerian ini melalui JWN juga telah membuat pengambilan tanah di kawasan tersebut untuk memastikan tapak ini terpelihara dan dilindungi termasuk menyediakan kawalan keselamatan di tapak.

Bagi tujuan perlindungan, pihak JWN telah mengiktiraf Tapak Arkeologi Sungai Batu sebagai warisan negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Sebagai makluman juga, kawasan Lembah Bujang termasuk Sungai Batu sedang dikaji kesesuaian untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa hadapan setelah data penyelidikan dan lain-lain dokumen telah lengkap serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.

Sekian, terima kasih.